AKU PEMAKSIAT

ANTOLOGI KISAH KEINSAFAN DARI TANAH ARAB



ABRAZ TALDERI



BAYTUL HIKMA

AKU PEMAKSIAT

ANTOLOGI KISAH KEINSAFAN DARI TANAH ARAB

*"Tidakkah mereka mahu kembali kepada Allah
dan meminta keampunan daripada-Nya?
Sedangkan Allah itu Maha Pengampun
lagi Maha Penyayang."*

(5:74)

Cetakan Pertama, 2015

AKU PEMAKSIAT

ANTOLOGI KISAH KEINSAFAN DARI TANAH ARAB



ABRAZ TALDERI



BAYTUL HIKMA



BAYTUL HIKMA (PG0355779-V)

Pulau Pinang, Malaysia.

facebook.com/BaytulHikma2014

baytulhikma.blogspot.com

+6013 218 1421

AKU PEMAKSIAT :

Antologi Kisah Keinsafan

Dari Tanah Arab

PENYUSUN

Abraz Talderi

EDITOR

Naseer Sobree

PENERBIT

Baytul Hikma

Cetakan Pertama

2015

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah Tuhan duniawi dan ukhrawi, Dialah Tuhan yang memberi petunjuk kepada para hamba-Nya yang dikehendaki, dan memesongkan pula sesiapa yang dikehendaki.

Selawat serta salam dipanjatkan kepada Junjungan Besar penghulu segala rasul dan nabi, Muhammad Sollallahu 'alaihi wasallam. Serta kepada ahli keluarga Baginda dan para sahabat yang diredai Allah ke atas mereka semua seluruhnya. Tidak terkecuali juga kepada alim ulamak, para syuhadak dan solihin.

Pertama dan selamanya marilah kita bersyukur atas nikmat-nikmat yang Allah kurniakan kepada kita tanpa terputus-putus pemberian-Nya. Kesyukuran itu kita zahirkan pada tindakan kita dengan membuat amalan yang berterusan berteraskan panduan yang diajarkan oleh kekasih-Nya Muhammad Sollallahu 'alaihi wasallam.

Kesyukuran itu seharusnya dipertingkatkan

lagi dengan melihat serta memerhatikan kebesaran-kebesaran Allah pada penciptaan-Nya, salah satunya adalah pada sumber-sumber hidayah yang diilhamkan kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih.

Maka atas maksud itulah saya mengumpulkan tulisan-tulisan yang bersumberkan daripada kisah-kisah benar ini, yang juga merupakan pengakuan-pengakuan ikhlas daripada mereka, sebagai perkongsian yang bermakna yang berpotensi memberi inspirasi kepada tiap jiwa yang mencari Rabbi.

Kisah pengakuan ini sebenarnya ditulis dalam Bahasa Arab, kemudian saya terjemahkan kepada Bahasa Melayu mengikut penambahbaikan serta olahan bahasa yang bagi saya sesuai dibaca dan difahami oleh orang awam. Walau bagaimanapun, cerita asal sama sekali tidak diubah dan tiada berlaku penambahan yang merosakkan plot sebenar.

Semoga kisah-kisah yang disajikan ini mampu memberi impak positif dalam hidup pembaca-pembaca sekalian. Dan semoga kebaikan-kebaikan yang dikutip daripada kisah-kisah tersebut dapat diperpanjangkan kepada segenap kenalan, malah disampaikan dengan begitu berhemah sekali.

Akhir sekali, di kesempatan ini saya ingin merakamkan sebuah penghargaan kepada ibu bapa saya yang banyak mendoakan kejayaan hidup saya, juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Mudah-mudahan usaha kecil saya ini menjadi saham besar yang diterima oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala lalu menempatkan saya bersama golongan yang diredai-Nya. Amin.

Sekian, wassalam.

ABRAZ TALDERI

15 Jun 2015,
Kajang.

Kisah 6

BUTA MATA

Isteriku melahirkan anak pertama kami, ketika itu umurku di penghujung dua puluhan, hampir-hampir masuk tiga puluh.

*****

Aku ingat lagi satu hari pada malam-malam buta aku menghangatkan tubuh di bawah pancuran *shower* di suatu rumah tumpangan. Malam itu aku dan rakan-rakan berbual-bual kosong dengan umpatan sebagai tajuk besar perbincangan. Aku memainkan peranan utama dalam perbualan itu, kurang lebih macam tukang karut.

Mereka bergelak-ketawa. Mereka sungguh

terhibur dengan cerita-cerita yang aku bahankan. Sememangnya aku punyai kemahiran meniru watak beberapa individu, aku melakonkan watak-watak tersebut dengan gayaku yang tersendiri. Motifnya adalah memburuk-burukkan, mengejek, menghina, dan mengutuk.

Kadang-kadang rakan-rakan yang rapat denganku pun aku ajukkan cara bercakap mereka, sehingga ada beberapa orang rakanku cuba menjauhkan diri daripadaku, supaya selamat daripada kezaliman lidahku.

Pernah suatu petang aku nampak ada seorang lelaki buta mundar-mandir di pasar, aku menahan sebelah kakiku menyekat langkahannya, lalu dia tersadung di situ. Mulutnya membebel-bebel entah apa disebutnya. Aku ketawakan saja.

Malam itu aku pulang lewat ke rumah, isteriku sedang menungguku di ruang tamu. Aduh, setia sungguh dia menungguku.

Dalam ayu suaranya itu, dia berkata, “Abang dari mana?”

“Dari planet Marikh,” aku sedar gurauanku tidak tepat waktunya. Lantas aku memberi jawapan sebenar, “Macam biasalah, abang melepak dengan kawan-kawan abang.”

Suaranya yang sememangnya lemah lembut,

kini aku dengar lebih lembut daripada biasa, “Abang... Saya dah letih sangat ni... *Due date* untuk saya bersalin dah makin dekat...” Suaranya tersekat-sekat disebabkan air mata yang cuba ditahankan.

Barulah aku tersedar selama berbulan-bulan dia mengandungkan anak pertama kami itu, aku abaikan penjagaan terhadapnya. Dan barulah aku mengambil keputusan menjaganya dengan sepenuh perhatian pada bulan terakhir kandungan itu, bulan kesembilan.

*****

Tepat sembilan bulan sepuluh hari. Aku membawa isteriku ke hospital. Aku tidak dibenarkan masuk. Aku menunggu di luar bilik bersalin dengan penuh resah. Lama aku menunggunya di luar. Baru kutahu betapa seksanya isteriku menunggu kepulanganku setiap malam.

Berjam-jam lamanya aku menunggu, hinggalah aku bosan dan penat, aku membuat keputusan untuk pulang ke rumah. Sebelum itu, aku tinggalkan nombor telefonku pada jururawat yang bertugas.

Sejam selepas itu aku dihubungi oleh pihak hospital. Mereka menyuruh aku segera ke sana melihat cahaya mata pertama dari baka keturunanku.

Bergegas aku bertolak.

Sesampai sahaja aku di hospital aku bertanya kepada semua jururawat di mana anak aku? Mereka menyuruhku pergi berjumpa dengan doktor yang menyambut anakku itu.

"Doktor mana satu? Mana anak aku? Aku mahu anak aku selamat!"

"Encik pergi jumpa doktor dulu."

Aku berjumpa dengan doktor. Dia mengkhabarkan kepadaku satu berita buruk. Dia cuba menenangkan aku. Dia minta aku supaya bersabar dan reda dengan ketentuan.

"Anak encik mengalami kecacatan di kedua-dua matanya. Kemungkinan besar dia akan hilang penglihatan," perlahan khabaran itu disampaikan.

Aku menundukkan kepala...

Aku teringat lelaki buta yang pernah aku jatuhkannya dengan kenakalan kakiku, malah aku membiarkannya begitu sahaja, kutambah lagi dengan gelak tawa yang terbahak-bahak. Ketika itu aku bergembira atas musibah pada dirinya.

Aku bermasam muka. Aku membenarkan kata orang, "Sepertimana kamu melayan, seperti itu kamu dilayan," "Kamu akan dibalas mengikut apa yang kamu lakukan," "Setiap perbuatan ada

balasannya.”

Aku akur... Dan aku berterima kasih kepada doktor, atas kelembutannya dalam menyampaikan berita buruk itu...

Aku mendapatkan isteriku pula. Aku dapatinya tenang sahaja. Tidak memberontak sepertiku. Sungguh aku akui dia seorang ibu dan isteri yang kuat imannya.

Dialah yang selalu menasihatkanku agar jangan memburuk-burukkan orang lain. Dia selalu berpesan jangan mengumpat, jangan mengutuk, jangan itu dan jangan ini.

Kami dibenarkan pulang pada hari itu, bersama anakku yang cacat pada matanya.

Kewujudan anakku itu kuanggap seperti tiada. Aku tidak mempedulikannya, seolah-olah dia cuma patung mainan atau mayat hidup yang tidak bergerak. Kalau dia menangis aku akan lari naik ke tingkat atas. Lalu aku tidur di atas.

Berlainan pula isteriku. Dia seorang yang penyayang. Lebih dari penyayang, terlalu kasih dan cinta. Aku bukanlah membenci anakku itu, cuma aku tidak dapat menerima keadaannya, kecacatannya, aku tidak mampu menyayanginya.

Salim, anakku, semakin membesar. Sudah

setahun umurnya dan sudah pandai pun berjalan. Tapi tempang. Keadaan itu membuatkanku bertambah berat lagi melihat dirinya.

*****

Setahun kemudian. Isteriku melahirkan seorang lagi anak. Anak kedua kami. Namanya Khalid.

Salim dan Khalid saban hari semakin membesar. Tahun memakan tahun. Aku pula semakin menjauhi rumah dan rumah sebenarku ialah rumah rakan-rakanku. Aku ibarat pelipur lara bagi mereka, akulah penghilang duka dan hiba mereka, kadang-kadang aku rasa aku cumalah bahan mainan mereka.

Anakku bertambah lagi. Umar pula namanya yang ini.

Isteriku, semestinya tidak pernah putus asa menasihatiku, tidak putus-putus mengharapkan perubahanku. Dia tahu aku boros. Aku habiskan duit untuk rakan-rakan bukan padanya dan anak-anak.

Di rumah, aku langsung tidak menunjukkan kasih sayang pada Salim. Pada anak-anak lain aku melayan seperti biasa. Aku tahu isteriku tersinggung dengan perangaiku itu.

*****

Salim sudah membesar. Sudah boleh disekolahkan. Tapi sekolah yang dimasukinya adalah khas untuk orang yang sepertinya, iaitu Sekolah Orang Kurang Upaya.

Tahun berganti tahun. Aku lalui hidup seperti biasa. Kerja, makan, tidur, melepak bersama rakan-rakan hingga lewat malam.

Suatu Jumaat yang unik. Hari itu aku bangun pada pukul sebelas pagi. Aku kira masih terlalu awal aku bangun hari itu. Aku ada jemputan majlis perkahwinan, sebab itulah aku bangun sebelum Zohor.

Aku bersiap-siap dan sebelum aku pergi, aku melihat Salim menangis teresak-esak, dan tangisan itu menghentikan langkahku daripada terus menuju ke kereta.

Itulah kali pertama aku memberi perhatian padanya selama kelahirannya. Sejak kecilnya aku tidak pernah membelainya apatah lagi menciumnya. Sebelum ini kalau dia menangis sekuat mana pun aku tidak terlintas untuk memujuknya, hanya ibunya saja yang setia menemaninya.

Aku menghampiri anakku Salim, yang sedang menangis itu, kubertanya, “Salim, kenapa ni?

Kenapa menangis?”

Tangisannya berhenti. Dia meraba-raba mukaku, kemudian dia menjauhiku. Seperti suaranya berkata, “Baru sekarang ayah nak dekat pada Salim? Mana ayah pergi selama ini?” Tapi itu hanyalah andaianku...

Dia menuju biliknya. Lari daripadaku. Lari daripada memberitahuku sebab tangisannya.

Aku cuba berlembut dengannya. Aku memujuk dan meminta dia menjawab pertanyaanku.

“Betul ayah nak tahu kenapa?”

Dia memberitahuku bahawa adiknya Umar terlambat daripada kebiasaannya. Pukul sebelas lebih itu baginya sudah sangat lambat untuk pergi ke masjid. Dia bimbang tidak dapat duduk di saf paling depan.

Puas dia menjerit, memanggil ibunya, memanggil Umar, tapi tidak bersahut. Sebab itulah dia menangis. Matanya melelehkan air mata tatkala menjawab pertanyaanku, aku tidak sanggup lagi mendengar sedu-sedan suara Salim, lalu kuletak jariku di mulutnya.

“Oh sebab itulah Salim menangis ya?”

“Iya.”

Aku melupakan temujanji bersama rakan-rakan, aku lupakan juga majlis perkahwinan. Aku rasakan Salim lebih penting saat itu.

“Salim. Salim tahu tak hari ini Salim akan pergi ke masjid dengan siapa?”

“Mestilah Umar, kenapa dia lambat sangat?”

“Tak. Hari ini Salim akan pergi dengan ayah.”

Dia terkejut mendengar jawapanku. Dia fikir aku acah-acah saja. Dia menangis semula.

Aku mengelap air matanya dengan jari jemariku. Aku pegang tangannya mengajaknya pergi ke masjid menaiki kereta.

“Masjid dekatlah ayah,” aku faham, dia mahu aku pergi berjalan kaki sahaja.

Aku lupa, bilakah kali terakhir aku menghadirkan diri ke masjid. Aku berasa sedikit ketakutan apabila melangkah masuk ke dalam ruang utama solat. Dan juga ada sedikit penyesalan terhadap apa yang aku lakukan selama ini.

Aku bersembahyang di saf pertama pada hari itu, di sebelah Salim.

Selepas selesai solat Salim meminta aku mengambil senaskhah Al-Quran. Aku pelik. Bagaimana dia nak baca sedangkan dia buta?

Aku terpinga-pinga dek permintaannya itu. Oleh kerana aku khuatir dia akan menangis maka aku tunaikan saja permintaannya.

Kemudian dia minta aku buka surah al-Kahfi. Aku menyelak helaian Al-Quran. Mencari muka surat itu tapi tak jumpa.

Aku lihat muka surat di belakang mencari kandungan yang menunjukkan muka surat bagi surah-surah. Aku jumpa surah al-Kahfi. Aku letak di hadapannya. Dia pun mula membaca surah itu sambil matanya tertutup.

Ya Allah! Rupa-rupanya dia menghafal surah itu! Subhanallah...

Aku malu.

Rupa-rupanya muka surat yang aku buka itu adalah untuk diriku. Aku pun baca surah al-Kahfi pada hari itu bersama-sama Salim sehingga tamat.

Selepas itu, aku berdoa kepada Allah agar mengampuni diriku yang sungguh hina, jahat, dan tidak bertanggungjawab ini...

Aku pula menangis seperti Salim... Bagai budak kecil... Ketika itu masih ramai di dalam masjid yang belum pulang ke rumah masing-masing, mereka mengerjakan solat sunat. Aku menahan tangisanku, malu diperhatikan orang

lain. Tapi semakin aku menahan, semakin kuat aku ingin lepaskan. Aku teresak-esak.

Kemudian ada tangan yang menyapu mukaku, mengesat air mataku, itulah tangan anakku sendiri, Salim.

Aku memandang Salim... Bersungguh-sungguh aku katakan padanya, “Salim tidak buta... Ayah yang buta sebenarnya...”

Kami pulang ke rumah. Isteriku dalam keadaan cemas, risaukan ke mana Salim menghilang. Selang beberapa saat dia melihat Salim ada bersamaku dan mengetahui bahawa aku mengerjakan solat bersama Salim, kerisauannya berubah menjadi kegembiraan. Barangkali itulah yang diharap-harapkan selama ini.

Sejak Jumaat yang unik itu, aku tidak lagi meninggalkan Solat Jumaat bersama Salim di masjid berdekatan rumahku itu.

Aku mula bersahabat dengan ahli-ahli masjid. Mereka adalah rakan-rakan baruku. Perkenalanku dengan mereka menjauhkanku daripada cinta dunia. Aku merasakan manisnya iman yang baru kukecapi ini.

Aku sentiasa mengharapkan keampunan Allah atas dosa-dosa silamku. Dosa mengabaikan tanggungjawab. Dosa mencela makhluk-makhluk

Allah bernama manusia.

Aku semakin dekat dengan keluargaku, dengan anak-anak dan isteriku. Aku dapat melihat renungan cinta murni dari mata isteriku. Selama ini aku buta akan pandangan itu.

Senyuman tidak lekang dari bibir Salim. Daripada senyumannya pasti semua orang menyangka Salim telah memiliki segalanya! Dia sungguh bahagia. Syukur ya Allah!

*****

Suatu masa, ahli masjid yang juga rakan-rakan baruku mengajakku ke suatu kampung untuk berdakwah di sana. Bukan pendek tempoh masanya. Tiga bulan setengah lamanya.

Aku teragak-agak sama ada mahu pergi atau tidak, aku tidak tahu adakah isteri dan anak-anakku merelakan pemergianku atau tidak.

Ternyata anggapanku silap. Malah mereka menyarankan untuk pergi ke sana. Isteriku beriya-iya memberiku semangat. Aku sebenarnya masih teringatkan tabiatku ketika jahil dahulu. Dahulu aku keluar rumah tanpa makluman dan kepulanganku disambut dengan pertanyaan. Ketika menghilangkan diri, tidak kutinggalkan sebarang berita.

Pada hari keberangkatanku, Salim memelukku dengan erat sekali, sebagai tanda selamat tinggal.

Dan ketika di kampung tersebut, aku kerap menghubungi isteriku, aku katakan padanya bahawa aku rindu pada Salim. Memang aku rindu sungguh. Rindu mendengar suaranya. Dia seorang saja yang belum sempat bercakap denganku melalui telefon. Anak-anak lain semuanya sudah. Sama ada ketika itu Salim di sekolah atau di masjid.

Setiap kali aku menelefon dan memberitahu kerinduanku pada Salim pasti isteriku akan tertawa keriangan. Tetapi tidak pada suatu hari itu, atau lebih tepatnya dua minggu sebelum kepulanganku. Aku kata pada isteriku, "Kirim salam pada Salim."

Dia menjawab, "Ya insya Allah," tanpa disambut dengan tawa.

*****

Sudah tiba masanya aku pulang ke rumah. Setibanya aku di depan rumah, aku mengetuk pintu dan mengharapkan Salim yang akan membukanya. Tetapi tidak. Khalid yang membukanya.

Aku mendokong Khalid membawanya masuk ke dalam. Entah kenapa setiap langkahku membuahkan degupan jantungku yang tidak senang. Degupan itu agak laju.

Isteriku muncul. Mukanya aku sangat kenal. Tidak seperti biasa. Seperti ada sesuatu yang disembunyikannya.

“Kenapa awak lain macam saja?”

“Tak ada apa-apa.”

Dan tiba-tiba aku teringatkan Salim.

“Mana Salim?”

Dia tidak menjawab. Cuma menundukkan kepala. Aku tahu dia mahu menjawab, tapi tidak termampu lidahnya, dia hanya menangis keberatan.

“Mana Salim?”

“Salim pergi ke syurga... Pergi jumpa Allah...”

Tersentak aku dengan berita itu. Isteriku yang dari tadi menahan-nahan sebak di dadanya kini mencurah-curah air matanya tatkala Khalid yang menjawab pertanyaanku... Nasib baik suara pelat Khalid itu masih aku fahami.

Barulah aku tahu Salim terkena demam panas dua minggu sebelum aku pulang. Isteriku membawanya ke hospital. Salim ditempatkan ke dalam wad. Isteriku menjaganya sehingga nafas terakhirnya dihembuskan.

Aku kehilangan sorang anak, dan seakan

kehilangan diriku sendiri apabila tahu Salim pergi meninggalkan dunia buat selama-lamanya. Tapi tidak mengapa, aku reda. Aku tak akan lupa orang yang menjadi punca hidayah buat diriku.

Ayah sayang Salim...





Baytul Hikma



AKU PEMAKSIAT

"Tidakkah mereka mahu kembali kepada Allah dan meminta keampunan daripada-Nya? Sedangkan Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(5:74)

